




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **57 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,793 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di daerah Kinabatangan. Takziah kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 88 menjadikan jumlah kumulatif 52,634 orang. Seramai 509 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 179 orang di hospital dan 330 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 15 orang dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Ranau dan Putatan berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu direkodkan.
- 5 Daripada 57 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 42 kes (73.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, lapan (8) kes (14%) saringan bergejala, tiga (3) kes (5.3%) saringan kluster sedia ada serta empat (4) kes (7%) dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil 4,901 unit
 - Hospital 644 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.
Peratus penggunaan katil 10.39%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Setakat ini, seramai **1,938** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **20,970** orang.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **285,065** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,673 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, enam (6) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 64 kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19 :
 - Keningau : 58 orang
 - berada dalam premis yang beroperasi lebih masa / tanpa kebenaran dan tiada penjarakan fizikal.
 - Papar : satu (1) orang
 - Kinarut : satu (1) orang - tidak memakai pelitup muka.
 - Kudat : lima (5) orang
 - rentas negeri / daerah tanpa kebenaran.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 84 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, sembilan (9) tangkapan dibuat pada hari ini iaitu lapan (8) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah, manakala satu (1) tangkapan lagi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 466 lokasi melibatkan seramai 198 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 104 anggota RELA di 109 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Semporna, Keningau dan Sandakan.
- 7 Sejumlah 52 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **95.5%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	97%
2	Kinabatangan	96%
3	Semporna	96%
4	Beluran	96%
5	Kunak	96%
6	Tenom	96%
7	Beaufort	96%
8	Ranau	96%
9	Papar	96%
10	Kota Kinabalu	96%
11	Kota Belud	95.5%
12	Kota Marudu	95%
13	Tuaran	95%
14	Penampang	95%
15	Lahad Datu	95%
16	Sandakan	95%
17	Kudat	94.5%
18	Tawau	94%
19	Keningau	94%

- 2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

12 Mac 2021